



Draf

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PERAK TENGAH 2030

Ringkasan Eksekutif

Prakata

.....
Ringkasan Eksekutif
Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030
ini mengandungi petikan daripada Laporan Draf
Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030.

Segala penjelasan dan perincian lanjut perlu
merujuk kepada Laporan Draf Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030 tersebut.

Kandungan


Tajuk	Muka Surat
Pengenalan	
Keperluan Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030	2
Proses Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030	3
Profil Kawasan Kajian	
Maklumat Asas Semasa	4
Profil Gunatanah Semasa Tahun 2015	5
Pembahagian Blok Perancangan Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030	6
Hierarki Pusat Petempatan Daerah Perak Tengah	7
Potensi Pembangunan Daerah	8-9
Isu dan Masalah	10-11
Arah Tuju Pembangunan	
Wawasan Pembangunan	12
Konsep Pembangunan RT Daerah Perak Tengah 2030	13
Hierarki Dan Fungsi Pusat Petempatan Daerah Perak Tengah 2030	14
Arah Pembangunan Spatial Dan Tekanan Pembangunan	15
Cadangan Pembangunan	
Halatujju Dan Strategi Pembangunan	16
Halatujju 1: Pengukuhan Sumber Sokongan Hidup	
Halatujju 2: Pengukuhan Sistem Perbandaran Dan Daya Huni	
Halatujju 3: Penaiktarafan Produk Pelancongan Dan Rekreasi	
Halatujju 4: Pembangunan Pusat Pendidikan Dan Perkhidmatan	
Halatujju 5: Promosi Kawasan Dormitori Sekunder	
Halatujju 6: Penyediaan Infrastruktur Mampan	
Peta Cadangan	
Pengurusan dan Pelaksanaan	
Penutup	

Pengenalan


Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) adalah berdasarkan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172). Subseksyen 12(2) akta tersebut, telah memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) hendaklah menyediakan RTD bagi keseluruhan kawasannya dengan segera sekiranya Rancangan Struktur Negeri tersebut telah berkuatkuasa.

RTD merupakan dokumen perancangan dan pembangunan guna tanah dan fizikal bagi keseluruhan daerah dan ianya disediakan dengan mengambil kira dasar dan strategi Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan Daerah, dasar-dasar semasa peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.

Rajah 1.1 : Sistem Perancangan Bandar Dan Desa Negara



Di dalam konteks penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 (RTD Perak Tengah 2030), ianya merupakan penyediaan dokumen perancangan dan pembangunan guna tanah dan fizikal terperinci bagi seluruh Daerah Perak Tengah sehingga ke tahun perancangan 2030. Ianya juga merupakan dokumen yang akan menterjemahkan dasar-dasar dan cadangan-cadangan yang terdapat di dalam rancangan pembangunan di peringkat sebelumnya dan juga yang terdapat di dalam rancangan tempatan daerah yang terdahulu.



Keperluan Penyediaan RTD Perak Tengah 2030

RTD Perak Tengah 2030 disediakan untuk memenuhi keperluan berikut :

- i. Keperluan untuk menyediakan satu dokumen perancangan dan pembangunan terkini bagi Daerah Perak Tengah selepas Rancangan Tempatan Daerah yang terdahulu hampir tamat tempoh perancangan. Perancangan dan pembangunan Daerah Perak Tengah sebelum ini adalah di bawah Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2002-2015.
- ii. Memenuhi keperluan Perundangan yang diperuntukkan dibawah Seksyen 12 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).
- iii. Menyemak atau mengkaji semula Rancangan Tempatan terdahulu untuk menyesuaikan dengan senario-senario pembangunan masa kini dan perubahan dasar-dasar di peringkat negeri dan negara serta pembangunan ekonomi yang berlaku memerlukan sebahagian dasar-dasar dan cadangan-cadangan di dalam dokumen sedia ada tersebut disesuaikan dengan keadaan semasa.
- iv. Rancangan Tempatan akan mengenalpasti potensi, peluang-peluang dan projek-projek pembangunan baru bagi manfaat keseluruhan kawasan Daerah Perak Tengah.
- v. Rancangan Tempatan sebagai panduan untuk menyelaras pembangunan dan pengagihan sumber semulajadi secara berkesan dan mampan serta untuk memastikan keseimbangan pembangunan kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

Laporan Draf RT Daerah Perak Tengah terdiri daripada 3 jilid:

❑ Jilid I: Laporan Draf RTD Perak Tengah 2030(Strategi Pembangunan)

Cadangan pembangunan mengikut halatuju dan strategi, perincian cadangan juga ditunjukkan melalui Pelan Subjek dan Pelan Sisipan.

❑ Jilid II : Laporan Draf RTD Perak Tengah 2030(Kawalan Pembangunan)


- i. Peta Cadangan Kegunaan Tanah (Zoning)
- ii. Jadual Kelas Kegunaan Tanah
- iii. Garis Panduan Pembangunan Khusus

❑ Jilid III : Laporan Draf RTD Perak Tengah 2030(Pengurusan Dan Perlaksanaan Serta Laporan Sokongan)


- i. Pengurusan dan Pelaksanaan
- ii. Penilaian Kemampanan
- iii. Pangkalan Data Sistem Maklumat Geografi (GIS)
- iv. Memudah Cara Pembangunan



Proses Penyediaan RT Daerah Perak Tengah




Profil Kawasan Kajian




Keluasan	: 127,946 hektar
Lokasi	: Berada di tengah-tengah Negeri Perak Darul Ridzuan dan disempadani oleh Daerah Kuala Kangsar di sebelah utara, Daerah Kinta Dan Batang Padang di sebelah timur, Daerah Hilir Perak di bahagian selatan dan Daerah Manjung di bahagian barat.
Penduduk	: 104,300 penduduk (2012) 128,375 penduduk (2030) Kadar pertumbuhan penduduk tahunan sebanyak 1.20%
Pusat Separa Wilayah	: ▪ Bandar Seri Iskandar
Pusat Petempatan Utama	: ▪ Kg. Gajah
Pusat Petempatan Kecil	: ▪ Parit ▪ Bota Kanan ▪ Titi Gantung - Changkat Chermín ▪ Lambor Kanan ▪ Bandar Baru Seberang Perak
Pusat Pertumbuhan Desa	: ▪ Buluh Akar ▪ Tg. Belanja ▪ Layang - Layang Kanan ▪ Kg. Selat ▪ Gelung Pepuyu ▪ Padang Changkat ▪ Pulau Tiga Kanan ▪ Balun Bidai ▪ Air Kuning ▪ Pulau Besar ▪ Kg. Kepala Pulau ▪ Ulu Dedap ▪ Sg. Ranggam ▪ Bukit Chawi
Asas Ekonomi	: ▪ Sektor Pembuatan (49.5%) ▪ Sektor Perkhidmatan (46.0%) ▪ Sektor Pembinaan (4.1%) ▪ Sektor Primer (0.4%)

BIL.	MUKIM	LUAS (HEKTAR)	PERATUS (%)
1.	Belanja	22,274	17.40
2.	Layang-Layang	6,475	5.06
3.	Bota	17,094	13.37
4.	Lambor Kanan	4,921	3.85
5.	Lambor Kiri	5,180	4.05
6.	Pulau Tiga	13,727	10.73
7.	Kampung Gajah	5,957	4.65
8.	Pasir Panjang Hulu	11,914	9.32
9.	Pasir Salak	10,878	8.50
10.	Bandar	6,216	4.85
11.	Kota Setia	8,288	6.48
12.	Jaya Baru	15,022	11.74
JUMLAH KELUASAN		127,946	100.00




Profil Guna Tanah Semasa 2015

GUNA TANAH	LUA (HEKTAR)	PERATUS (%)
TEPUBINA		
Perumahan	813.03	0.64
Komersial	151.38	0.12
Industri	257.73	0.20
Pembangunan Bercampur	0.37	0.00
Institusi Dan Kemudahan Masyarakat	1,799.70	1.41
Tanah Lapang Dan Rekreasi	193.58	0.15
Pengangkutan	2,257.10	1.76
Infrastruktur Dan Utiliti	726.52	0.57
JUMLAH	6,199.41	4.85
BUKAN TEPUBINA		
Pertanian	100,202.26	78.35
Tanah Kosong	12,855.90	10.05
Hutan	3,259.05	2.55
Badan Air	5,429.38	4.24
JUMLAH	121,746.59	95.15
JUMLAH KESELURUHAN	127,946.00	100.00



Pembahagian Blok Perancangan Bagi Kajian RTD Perak Tengah 2030

BLOK PERANCANGAN	MUKIM	LUAS (HEKTAR)	PERATUS (%)
BP1 Belanja	Belanja	22,274	17.40
BP2 Layang-Layang	Layang-Layang	6,475	5.06
BP3 Bota	Bota	17,094	13.37
BP4 Lambor Kanan	Lambor Kanan	4,921	3.85
BP5 Lambor Kiri	Lambor Kiri	5,180	4.05
BP6 Pulau Tiga	Pulau Tiga	13,727	10.73
BP7 Kampung Gajah	Kampung Gajah	5,957	4.65
BP8 Pasir Panjang Hulu	Pasir Panjang Hulu	11,914	9.32
BP9 Pasir Salak	Pasir Salak	10,878	8.50
BP 10 Bandar	Bandar	6,216	4.85
BP11 Kota Setia	Kota Setia	8,288	6.48
BP12 Jaya Baru	Jaya Baru	15,022	11.74
JUMLAH KELUASAN		127,946	100.00



Hierarki Pusat Petempatan Daerah Perak Tengah

KATEGORI PUSAT PETEMPATAN	LOKASI	
Pusat Separa Wilayah	Seri Iskandar	
Pusat Petempatan Utama	Kg. Gajah	
Pusat Petempatan Kecil	Parit Bota Kanan Titi Gantung - Changkat Chermin	Lambor Kanan Bandar Baru Seberang Perak
Pusat Pertumbuhan Desa	Buluh Akar Tg. Belanja Layang - Layang Kanan Kg. Selat Gelung Pepuyu Padang Changkat Pulau Tiga Kanan	Balun Bidai Air Kuning Pulau Besar Kg. Kepala Pulau Ulu Dedap Sg. Ranggam Bukit Chawi

Potensi Pembangunan Daerah

Guna Tanah Dan Fizikal

- Terdapat beberapa projek komited berskala besar seperti projek PKNP yang telah mencadangkan 3 pekan kecil iaitu:
 - i. Pekan Kecil Tanjung Belanja,
 - ii. Pekan Kecil Padang Changkat dan
 - iii. Pekan Kecil Sungai Ranggan
- Sejumlah 95.15% daripada keluasan Daerah Perak Tengah merupakan guna tanah bukan tepubina di mana pertanian dan tanah kosong merupakan komponen utama. berpotensi untuk dimajukan dengan komponen-komponen yang komprehensif dan bersepadu manakala tanah kosong pula berpotensi untuk pembangunan tepubina yang dapat menyokong pembangunan sedia ada.

Komersial

- Menjelang tahun 2030, jumlah penduduk di Daerah Perak Tengah dijangka akan meningkat kepada 128,375 berbanding 107,343 pada tahun 2015. Melalui pertambahan penduduk dan peningkatan aktiviti ekonomi, ia mampu mengukuhkan peranan rangkaian pusat petempatan sedia ada sebagai pusat komersial utama di masa hadapan khususnya bagi Bandar Seri Iskandar, Kg. Gajah, Parit, Bota Kanan, Lambor Kanan, Changkat Chermín dan Bandar Seberang Perak.

Perindustrian

- Berasaskan struktur industri dan sumber sedia ada, Daerah Perak Tengah mempunyai asas industri yang baik bagi menggalakkan industri berasaskan sumber khususnya produk makanan dan produk hiliran berasaskan hasil pertanian, produk logam asas serta produk elektronik.

Pelancongan

- Potensi untuk pembangunan dan perkembangan industri pelancongan di Daerah Perak Tengah sememangnya wujud dengan adanya pelbagai produk pelancongan dalam bentuk alam semulajadi, budaya dan sejarah. Pihak berwajib perlu memberi keutamaan kepada pembangunan industri pelancongan memandangkan ia mampu bertindak sebagai penjana pendapatan dan meningkatkan peluang pekerjaan.

Pertanian Dan Sumberjaya Desa

- Selain tanaman kelapa sawit dan padi, potensi utama yang boleh dieksploitasi untuk pembangunan ekonomi di Daerah Perak Tengah adalah subsektor tanaman terutama sayuran-sayuran dan buah-buahan. Daerah Perak Tengah mempunyai kelebihan dengan wujudnya Kompleks Pertanian Titi Gantung dan TKPM Titi Gantung yang berperanan melahirkan lebih ramai usahawan agropreneur.
- Subsektor perikanan turut mempunyai potensi untuk dipergiatkan bagi meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi daerah terutama aktiviti perikanan akuakultur iaitu ternakan ikan dalam sangkar. Bekas lombong di mukim Pasir Panjang Hulu dan Kg. Gajah serta Sungai Perak yang terbentang luas melalui daerah ini amat baik untuk dimanfaatkan bagi mempergiatkan ternakan ikan dalam sangkar.



sawah padi menguning di bumi perak....

Potensi Pembangunan Daerah

Pengangkutan Dan Pengurusan Lalu Lintas

- Program menaikkan taraf jalan-jalan negeri dari Taiping ke Lumut pula dijangka akan memberikan manfaat di mana sekurang-kurangnya ia akan melibatkan Jalan Persekutuan 5 dan 73. Pelebaran dan penaiktarafan ke atas Jalan Persekutuan 73 dijangka akan dapat mengurangkan lagi permintaan ke atas Lebuhraya Ipoh – Lumut.

Perumahan

- Potensi besar dapat dilihat di bandar-bandar utama yang mempunyai pertumbuhan pesat institusi pengajian tinggi dan institut latihan. Pertumbuhan pesat institusi yang berada di Mukim Layang-Layang, Bota, Pulau Tiga dan Kampung Gajah secara tidak langsung membantu pertumbuhan penawaran perumahan di kawasan sekitar.

Kemudahan Masyarakat

- Kemudahan pendidikan seperti institusi pengajian tinggi dan institut latihan yang semakin berkembang di kawasan kajian memberi peluang yang besar kepada penduduk setempat untuk memanfaatkan peluang melanjutkan pelajaran dan juga menjana pendapatan daerah dengan kemasukan orang luar ke Perak Tengah termasuk pelabur-pelabur luar.

Tanah Lapang Dan Rekreasi

- Kedudukan Sungai Perak yang merentasi di tengah-tengah Daerah Perak Tengah ini merupakan satu tarikan dan juga pemangkin utama kepada pembangunan kawasan lapang dan rekreasi. Perancangan pembangunan kawasan lapang dan rekreasi yang bersesuaian di pinggiran Sungai Perak ini perlu dirancang agar dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat khususnya.

Infrastruktur Dan Utiliti

- Kewujudan Sungai Perak merupakan aset sistem saliran dan perparitan kerana boleh berfungsi sebagai outlet dan saliran keluar air terutama bagi kawasan-kawasan tadahan sepanjang sungai tersebut.
- Baki kapasiti sumber utiliti yang masih banyak dan berlebihan memudahkan perancangan pembangunan masa hadapan.
- Corak pembangunan dan penempatan yang kebanyakannya tertumpu kepada jajaran sepanjang Sungai Perak memudahkan perancangan sistem utiliti.



sawah padi menguning di bumi perak....

Isu Dan Masalah

Penduduk, Asas Ekonomi Dan Pola Petempatan

- Tiada pembangunan komited yang berskala besar yang mampu menarik penduduk dari luar untuk datang dan tinggal di daerah ini kecuali kewujudan Universiti Teknologi Mara dan Universiti Teknologi Petronas. Institusi ini perlu dikekalkan kerana bukan sahaja mampu menyuntik masuk penduduk tetapi pada masa yang sama dapat menjadi pemangkin kepada sektor ekonomi.
- Penduduk dalam kumpulan guna tenaga iaitu kumpulan umur 15-64 tahun menjadi kumpulan umur yang dominan. Oleh itu, penajaan peluang pekerjaan diperlukan bagi menampung keperluan kumpulan umur guna tenaga. Migrasi keluar penduduk dijangkakan akan terus meningkatkan di masa hadapan jika peluang pekerjaan tidak meningkat seiring dengan peningkatan kumpulan gunatenaga ini.

Guna Tanah Dan Fizikal

- Pembangunan guna tanah semasa hanya pesat di BP3 Bota terutamanya di Seri Iskandar dan ini telah mewujudkan satu situasi dan jurang pembangunan yang berbeza di antara Bandar Seri Iskandar dengan Pusat-Pusat Petempatan Kecil yang lain seperti Kampung Gajah, Pasir Salak, Lambor Kanan, Lambor Kiri dan lain-lain.
- Keadaan fizikal Daerah Perak Tengah yang terpisah kepada dua bahagian utama oleh Sungai Perak perlu diintegrasikan agar tidak mewujudkan jurang pembangunan di antara dua kawasan yang terpisah tersebut.

Komersial

- Aktiviti komersial di rangkaian pusat petempatan sedia ada terutama pekan Parit, Bota Kanan, Lambor Kanan dan Changkat Chermín yang berperanan sebagai Pusat Petempatan Kecil tidak berkembang dengan baik. Ketiadaan projek pemangkin, lokasi yang tidak strategik dan jumlah penduduk yang terhad serta kuasa membeli yang rendah merupakan faktor utama yang menyumbang kepada fenomena tersebut.
- Pembangunan komersial di pekan Kg. Gajah yang berperanan sebagai Pusat Petempatan Utama adalah agak perlahan dan kurang menyerlah. Keadaan ini disebabkan lokasi pusat komersial Kg. Gajah terletak di luar daripada jajaran utama pengangkutan di Daerah Perak Tengah.
- Bandar Seberang Perak masih belum berperanan sebagai pusat komersial utama berasaskan ketiadaan kawasan komersial pusat di bandar tersebut dan sehingga aktiviti komersial hanya tertumpu kepada perniagaan runcit secara kecil-kecilan sahaja. Pembangunan ekonomi lebih tertumpu kepada aktiviti pertanian khususnya ladang kelapa sawit dan padi.

Perindustrian

- Kebanyakan aktiviti industri IKS di Daerah Perak Tengah beroperasi di atas lot persendirian sama ada tanah kediaman atau tanah pertanian yang tidak ditukar syarat kepada perusahaan. Ia tidak dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan sokongan yang diperlukan bagi operasi industri.
- Dua kawasan industri terancang utama yang dibangunkan di Daerah Perak Tengah khususnya Taman Teknologi Seri Iskandar dan Taman Farmasi Seri Iskandar tidak dapat dibangunkan sepenuhnya ekoran tiada sambutan atau permintaan daripada pelabur industri.

Isu Dan Masalah

Pertanian Dan Sumberjaya Desa

- Kebanyakan tanah di Daerah Perak Tengah adalah dari kelas 3 dan 4 yang kurang sesuai untuk pertanian. Manakala tanah untuk pertanian pula kebanyakannya dari Kelas 2, 3 dan 4. Tanah Kelas 2 dapat mengeluarkan hasil lebih tinggi manakala Kelas 3 dan 4 hanya sesuai beberapa jenis tanaman sahaja dan hasil pengeluarannya rendah.
- Sebilangan besar kawasan padang ragut sedia ada di Daerah Perak Tengah turut dalam keadaan terbiar dan tidak digunakan bagi aktiviti penternakan atas faktor tertentu. Antaranya termasuklah lokasi padang ragut yang agak jauh dari kediaman penternak dan bilangan ternakan yang semakin berkurangan.

Perumahan

- Lebihan penawaran perumahan didapati menjadi isu besar di Daerah Perak Tengah. Lebihan ini antaranya daripada perumahan komited sehingga 2015. Lebihan penawaran ini perlu dikurangkan dengan perancangan pembangunan perumahan yang tepat dan strategik agar penawaran perumahan akan menjadi seimbang dengan pertambahan penduduk akan datang.

Pelancongan

- Kebanyakan sumber-sumber pelancongan di kawasan kajian ini masih belum dipromosikan dan dieksploitasikan sepenuhnya.
- Pembangunan kemudahan-kemudahan sokongan dan perkhidmatan pelancongan masih berada tahap yang lemah seperti agensi pelancongan, pemandu pelancong serta kedai-kedai barangan berasaskan produk-produk pelancongan.

Pengangkutan Dan Pengurusan Lalu Lintas

- Kekurangan jaringan jalanraya khasnya bagi menghubungkan bahagian timur dan barat Sungai Perak.
- Lebuhraya Ipoh – Lumut yang sering mengalami kesesakan kerana ketiadaan jalan alternatif. Laluan ini juga didapati sesak bila musim pendaftaran pelajar baru di institusi pengajian tinggi di Bandar Seri Iskandar.
- Perkhidmatan pengangkutan awam tidak menyeluruh ke seluruh kawasan - perkhidmatan bas bandaran tidak disediakan di sini dan penduduk yang ingin menggunakan pengangkutan awam kadangkala terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan perkhidmatan.

Tanah Lapang Dan Rekreasi

- Terdapat beberapa kawasan lapang dan rekreasi yang tidak berfungsi pada masa sekarang akibat terjejas teruk akibat banjir besar yang berlaku di Daerah Perak Tengah baru-baru ini. Ini dapat dilihat di Taman Cempaka Sari di BP1 Belanja dan Taman Awam Bota di BP3 Bota.

Infrastruktur Dan Utiliti

- Banjir di kawasan penempatan dan perbandaran sepanjang Sungai Perak terutama kawasan rendah seperti Kampung Gajah, Pulau Tiga Kanan, Lambor Kanan dan lain-lain

Alam Sekitar Dan Pengurusan Alam Sekitar

- Kegiatan perlombongan pasir tanpa kawalan akan berupaya untuk mengurangkan keupayaan hidraulik semulajadi sungai yang mana ianya berupaya menyebabkan air sungai melimpah keluar dan menyebabkan banjir kilat dan memberi risiko banjir yang tinggi di kawasan yang terletak di sepanjang Sungai Perak.

Wawasan Pembangunan

Halatuju pembangunan daerah dirangka berdasarkan kepada beberapa kriteria berikut iaitu :

- Wawasan pembangunan negeri.
- Potensi dan halangan kawasan.
- Penemuan dan analisis sektoral yang merumuskan bahawa kekuatan pembangunan ekonomi Daerah Perak Tengah adalah bergantung kepada institusi pendidikan dan juga aktiviti pertanian.
- Pembangunan ekonomi tersebut juga disokong oleh aktiviti komersial, aktiviti pelancongan dan juga aktiviti perindustrian.

Berdasarkan kepada penemuan dan analisis tersebut wawasan pembangunan Daerah Perak Tengah telah dibentuk supaya selaras dengan wawasan pembangunan di peringkat Negeri Perak dan ianya seperti yang dinyatakan dibawah :

*“Menjadikan Daerah Perak Tengah Sebagai Pusat
Institusi Ilmu Dan Pertanian Moden Serta
Mengekalkan Kualiti Alam Persekitaran Semulajadi
Dan Warisan Sejarah”*

Untuk mencapai hasrat wawasan pembangunan tersebut, beberapa objektif pembangunan telah digariskan iaitu :

- Memperkembang dan menjana aktiviti sektor ekonomi yang berasaskan sumberjaya sedia ada seperti pertanian, pelancongan, perindustrian dan komersial secara terkawal dan di kawasan tidak berhalangan.
- Memperkukuhkan peranan pusat pertumbuhan kecil dengan menggalakkan permohonan pembangunan di kawasan tersebut secara mampan.
- Menaiktaraf sistem jaringan jalan raya, lalu lintas dan pengangkutan awam yang menyeluruh dan bersepadu bagi mencapai tahap kemudahsampaian yang tinggi ke semua kawasan.
- Mengurangkan dan mengatasi masalah banjir di Daerah Perak Tengah supaya kesan bencana di tahap minimum.
- Menyediakan kemudahan masyarakat, sukan dan rekreasi berdasarkan kepada jenis pusat penempatan dan bilangan penduduk.
- Mengenalpasti dan memelihara kawasan sensitif alam sekitar secara bijak bagi mewujudkan keseimbangan antara pembangunan dan alam semulajadi bagi mencapai persekitaran alam semulajadi yang mampan.




Konsep Pembangunan

Konsep pembangunan dibentuk sebagai asas kerangka spatial pembangunan Daerah Perak Tengah. Aspek-aspek yang diambil kira di dalam proses menghasilkan konsep pembangunan daerah adalah isu dan potensi pembangunan, aksesibiliti, pengekalan sumber, pemeliharaan dan pemuliharaan. Konsep Pembangunan Berpusat akan digunapakai sebagai asas untuk memandu pembangunan Daerah Perak sehingga tahun perancangan 2030. Ciri-ciri Konsep Pembangunan Berpusat adalah :

1. Strategi pembangunan berpusat akan menekankan fungsi setiap hierarki pusat petempatan secara khusus. Penumpuan terhadap pembangunan di pusat petempatan yang paling tinggi akan menjadi keutamaan. Konsep ini tidak memberikan kesan negatif ke atas aspek kesalinglengkapan fungsi dan peranan setiap pusat-pusat petempatan dan daerah yang berhampiran dan yang bersempadan dengan Daerah Perak Tengah.
2. Kawasan pembangunan bagi setiap pusat petempatan adalah berdasarkan kepada anggaran keperluan tanah untuk perumahan sehingga tahun 2030 untuk mengurangkan pembukaan tanah-tanah pertanian terutamanya tanah kelas 2 dan kelas 3.
3. Tanah-tanah yang berpotensi untuk pembangunan merangkumi tanah kosong atau terbiar dan kawasan-kawasan perkampungan yang berada di sekeliling pusat petempatan yang mengalami tekanan pembangunan.
4. Kawasan-kawasan KSAS akan dikekalkan bagi mengelakkan risiko bencana walaupun ianya terletak di koridor atau kawasan utama pembangunan terutamanya hutan simpan kekal, kawasan tadahan air rizab perhilitan, kawasan warisan sejarah lain-lain kategori KSAS.
5. Pembangunan guna tanah akan pusatkan ke beberapa pusat petempatan yang telah dikenalpasti iaitu :

Kawasan Pembangunan Utama	- Bandar Seri Iskandar
Kawasan Pembangunan Kedua	- Kampung Gajah
Kawasan Pembangunan Ketiga	- Parit
	- Bota Kanan
	- Titi Gantung-Changkat Chermin
	- Lambor Kanan
	- Bandar Baru Seberang Perak





Hierarki Dan Fungsi Pusat Petempatan Daerah Perak Tengah 2030

HIERARKI	FUNGSI
<u>Pusat Separa Wilayah</u> Bandar Seri Iskandar	- Pusat Perkhidmatan Dan Komersial Bertaraf Tinggi - Pusat Bagi Segala Fungsi (Pentadbiran, Pendidikan, Warisan Dan Kebudayaan, Pelancongan Dan Rekreasi Bandar) - Pusat Perindustrian Utama
<u>Pusat Petempatan Utama</u> Kg. Gajah	- Pusat Perkhidmatan Dan Komersial Bertaraf Sederhana Dan Tinggi - Pusat Industri Ringan Dan Sederhana (IKS Dan Industri Perkhidmatan)
<u>Pusat Petempatan Kecil</u> - Parit - Titi Gantung-Changkat Chermín - Bota Kanan - Lambor Kanan - Bandar Baru Seberang Perak	- Pusat Komersial Dengan Fungsi Perkhidmatan Terhadap Penawaran Barangan Tahap Rendah Dan Sederhana Yang Memberi Perkhidmatan Kepada Penduduk Tempatan - Pusat Industri Ringan (Industri Perkhidmatan)

Arah Pembangunan Spatial Dan Tekanan Pembangunan

Pembangunan spatial utama merangkumi pembangunan perniagaan, perindustrian, perumahan dan pelancongan sebagai pembangunan tepubina dan pembangunan pertanian sebagai bukan tepubina.

Pembangunan Tepubina

- Pembangunan perbandaran masa hadapan akan digalakkan diatas kawasan yang telah dikenal pasti sebagai berpotensi untuk pembangunan dan juga berpotensi untuk pembangunan dengan syarat. Pembangunan bandar akan ditetapkan berdasarkan permintaan dan had perbandaran bagi mengelakkan pembangunan secara linear dan untuk mengukuhkan pembangunan di kawasan tumpuan semasa serta untuk mengawal taburan pembangunan yang tidak teratur pada masa kini.
- Pembangunan sektor komersial tertinggi akan difokuskan di Bandar Seri Iskandar sebagai Pusat Separa Wilayah dan disokong oleh Kg. Gajah sebagai Pusat Petempatan Utama. Pembangunan pusat-pusat petempatan dan komersial lain akan berdasarkan hierarki pusat petempatan sedia ada, fungsi dan zon perbandaran yang telah ditetapkan.
- Pembangunan sektor industri terancang akan digalakkan terutamanya aktiviti yang berasaskan sumber tempatan dan pertanian serta hasil produk hiliran iaitu produk nilai tambah kepada hasil pertanian.
- Aktiviti pelancongan dan rekreasi berasaskan sejarah dan air (Sungai Perak) secara terkawal akan digalakkan termasuk dengan penyediaan infrastruktur sokongan yang sesuai untuk kemudahan pengunjung.

Pembangunan Bukan Tepubina (Pertanian)

- Mengekalkan tanah pertanian diluar kawasan zon pembangunan terutamanya pertanian secara estet, skim atau berkelompok seperti Felcra.
- Penekanan kepada perladangan komersial, usaha mempertingkatkan pengeluaran menerusi penyepaduan dalam bidang baru, penggunaan teknik perladangan moden dan membina jaringan untuk pemasaran hasil atau produk pertanian.
- Membangunkan projek agropolitan di mana perladangan komersial berkelompok akan diperkenalkan dengan melibatkan bidang penternakan, penanaman, akuakultur dan industri asas tani.
- Mengeksploitasikan kewujudan institut pengajian tinggi dengan mengesyorkan penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan sektor pertanian.
- Mewujudkan taman industri berasaskan Industri Kecil dan Sederhana bagi menghasilkan produk hiliran hasil dari sektor pertanian.



Halatuju Dan Strategi Pembangunan

Halatuju Dan Strategi Pembangunan

Berdasarkan kepada wawasan, matlamat, objektif dan konsep pembangunan Daerah Perak Tengah, halatuju dan strategi pembangunan bagi Daerah Perak Tengah telah dikenalpasti sepertimana berikut :

Halatuju 1 : Pembangunan Ekonomi Hijau Yang Progresif Dan Berdaya Saing

Strategi 1.1 : Pengukuhan Aktiviti Perdagangan Mengikut Fungsi Dan Hierarki Pusat Petempatan

Strategi 1.2 : Pengukuhan Aktiviti Industri Melalui Pemusatan Dan Penyerakan Kelompok Industri Yang Berpotensi

Strategi 1.3 : Pemodenan Aktiviti Pertanian Melalui Pengusahaan Tanah Secara Perladangan

Strategi 1.4 : Pengukuhan Aktiviti Pelancongan Berdasarkan Sumber Rekreasi

Strategi 1.5 : Pengukuhan Aktiviti Pelancongan Berdasarkan Sumber Sejarah Dan Budaya



Halatuju 2 : Ke Arah Mewujudkan Masyarakat Sejahtera

Strategi 2.1 : Penyediaan Kediaman yang Selesa, Selamat Dan Mampu Milik Kepada Penduduk Bandar Dan Luar Bandar

Strategi 2.2 : Menghadkan Pembangunan Perumahan Di Dalam Kawasan Berpotensi Dan Dalam Sempadan Bandar

Strategi 2.3 : Penyediaan Kemudahan Kemasyarakatan Yang Mencukupi

Strategi 2.4 : Penyediaan Kemudahan Tanah Lapang Dan Rekreasi Yang Mencukupi



Halatuju 3 : Pembangunan Infrastruktur, Utiliti, Pengangkutan Serta Perhubungan Yang Menyeluruh Dan Berdaya Tahan

Strategi 3.1 : Mengurangkan Kesan Dan Risiko Banjir

Strategi 3.2 : Menyediakan Liputan Perkhidmatan Utiliti Yang Menyeluruh Dan Berkesan

Strategi 3.3 : Mewujudkan Pembangunan Persekitaran Yang Inklusif

Strategi 3.4 : Meningkatkan Tahap Aksesibiliti Antara Kawasan

Strategi 3.5 : Mewujudkan Perkhidmatan Pengangkutan Awam Yang Efisien

Strategi 3.6 : Meningkatkan Keselamatan Pengguna Jalanraya



Halatuju 4 : Menonjolkan Bandar Dan Pusat Petempatan Bercirikan Tempatan

Strategi 4.1 : Memperkasakan Imej Dan Pengindahan Bandar Serta Pusat Petempatan



Halatuju 5 : Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Alam Sekitar

Strategi 5.1 : Kawalan, Pencegahan Dan Peningkatan Kualiti Air Di Lembangan Sg. Perak Secara Menyeluruh Berkonsepkan Integrated River Basin Management (IRBM)

Strategi 5.2 : Melindungi, Memelihara Dan Memulihara Populasi Dan Habitat Tuntung (Batagur Baska) Bagi Mengelakkan Kepupusan

Strategi 5.3 : Pengurusan Kawasan KSAS Yang Efektif



HALATUJU 1 :

PEMBANGUNAN EKONOMI HIJAU YANG PROGRESIF DAN BERDAYA SAING

Strategi 1.1 : Pengukenan Aktiviti Komersial Mengikut Fungsi Dan Hierarki Pusat Petempatan

1

Memberi Tumpuan Pembangunan Komersial Di Koridor Perbandaran Sedia Ada Berasaskan Kekuatan Asas Ekonomi & Taburan Penduduk

PENGENALAN

Kawasan berpotensi bagi pembangunan komersial perlu digalakkan dalam koridor perbandaran sedia ada dengan tujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan fizikal pusat bandar dalam had sempadan yang ditetapkan

CADANGAN

Kawasan pusat komersial sedia ada yang tidak dibangunkan dan kawasan tanah kosong dalam kawasan pusat bandar

LOKASI

- ☐ PSW Bandar Seri Iskandar
- ☐ PPU Kampung Gajah
- ☐ PPK Bota Kanan
- ☐ PPK Lambor Kanan
- ☐ PPK Parit
- ☐ PPK Bandar Seberang Perak
- ☐ PPK Pekan Changkat Chermín

AGENSI TERLIBAT



- ☐ Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP)
- ☐ Majlis Daerah Perak Tengah
- ☐ Pemaju Swasta

KOMPONEN CADANGAN KAWASAN KOMERSIAL

- i. Tapak komersial yang luas dengan kemudahan infrastruktur & utiliti
- ii. Rumah kedai 2 tingkat
- iii. Kompleks perniagaan & bazar peniaga kecil
- iv. Pusat penjaja terancang (medan selera & tapak khas untuk pekan sehari & pasar malam)
